



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Pastikan makanan halal, terhindar syubhah

kepada kamu iaitu yang halal lagi baik (thoyyiban) dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.”

Allah SWT sebagai pencipta manusia dan dengan segala sifat Maha Penyayang-Nya mengajak seluruh manusia mengambil makanan yang bukan setakat halal tetapi juga mempunyai ciri-ciri ‘thoyyiban’.

Thoyyiban adalah perkataan Arab yang bermaksud baik atau sihat.

Thoyyiban sebenarnya menerangkan ciri-ciri lebih daripada keperluan agama dan sangat digalakkan sebagai pelengkap kepada halal.

Konsep ‘Halalan Thoyyiban’ meliputi dua

aspek iaitu yang dibenarkan undang-undang syariah dan juga meliputi keperluan serta makanan yang baik dan bahan pembuatan makanan berkualiti dalam konteks kebersihan, sanitasi dan keselamatan.

Untuk mencapai konsep ‘Halalan Thoyyiban’ itu, kedua-dua aspek keperluan berkenaan hendaklah diselaraskan dan dilaksanakan bersama-sama.

Perkataan haram adalah antonim kepada halal. Haram bermaksud dilarang dan menyalahi undang-undang syariah.

Haram bukan saja pada makanan tetapi kegiatan haram juga dilarang untuk setiap Muslim.

Makanan atau ramuan haram dilarang oleh undang-undang Islam dan tidak boleh dimakan umat Islam. Makanan mengandungi bahan ramuan haram juga tidak boleh diisytiharkan sebagai halal.

Syubhah pula adalah perkataan Arab yang bermaksud diragukan atau mencurigakan. Satu lagi perkataan dengan makna yang sama dipanggil ‘Mushbooh’.

Mushbooh atau syubhah adalah istilah digunakan apabila seseorang tidak dapat menentukan status makanan atau minuman tertentu.

Perkara syubhah juga meliputi sumber atau asal bahan ramuan, cara

pemprosesan dan produk akhir yang belum dapat ditentukan sebagai halal.

Sebagai seorang Muslim yang taat kepada Allah SWT, harus untuk mengelakkan syubhah dan mencegah daripada mengambil apa yang meragukan.

Daripada Abu ‘Abdillah An-Nu’man bin Basyir r.a. berkata:”Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas dan di antara kedua-duanya ada perkara yang samar-samar (syubhah), kebanyakan manusia tidak mengetahuinya, maka barangsiapa menjaga dirinya daripada yang

samar-samar itu, bererti ia menyelamatkan agama dan kehormatannya...”

Kita pernah melihat tanda ‘Serve no pork’ atau ‘Pork free’ di restoran tertentu bagi menarik pelanggan Muslim.

Kedua-dua tanda itu memaklumkan restoran berkenaan tidak menjamu daging babi dalam menu masakannya.

Tidak mempunyai daging babi atau segala bahan makanan berasas babi tidak bermakna restoran itu ‘halal’.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 168 yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik (thoyyiban) dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”

Satu lagi ayat al-Quran menerusi Surah al-Maidah, ayat 88 yang bermaksud: “Dan makanlah daripada rezeki yang diberikan Allah